

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas soalan Geografi 2 (2280/2) mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab ialah dua jam.

**Bahagian A:** Terdiri dari tujuh soalan berbentuk struktur (respons terhad) yang meliputi tema Kemahiran Geografi dan Geografi Fizikal.

**Bahagian B:** Terdiri dari empat soalan berbentuk esei yang meliputi tema dinamik penduduk, petempatan, pengangkutan dan perhubungan, kegiatan ekonomi, cuaca dan iklim, sumber dan tumbuhan semulajadi.

**PRESTASIKESELURUHAN**

Pada keseluruhannya prestasi pencapaian bagi calon SPM 2004 adalah sederhana. Peratus calon dalam kumpulan markah tinggi adalah amat kecil. Peratus calon dalam kumpulan markah rendah masih besar. Calon yang gagal menguasai kemahiran dan konsep asas geografi masih tinggi.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon dalam kumpulan cemerlang**

Jawapan calon adalah tepat, lengkap dengan contoh dan huraian serta penggunaan bahasa dan istilah geografi yang betul. Calon menguasai kemahiran geografi dan mempunyai pengetahuan yang luas. Calon dapat melukis graf mengikut format untuk memperolehi markah penuh. Calon menjawab semua soalan Bahagian A dan tiga soalan Bahagian B dengan baik. Calon juga memperolehi antara tiga atau empat markah untuk soalan peta

**Calon dalam kumpulan sederhana**

Calon memahami kehendak soalan. Pemahaman calon terhadap istilah dan konsep geografi sederhana. Jawapan calon kurang tepat. Calon keliru dengan istilah dan konsep geografi. Calon cenderung menjawab dalam bentuk poin tanpa huraian dan contoh. Contoh bagi satu-satu fakta tidak diberikan. Ini menyebabkan calon tidak mendapat markah huraian. Calon sederhana menjawab dengan baik bahagian tertentu dalam soalan contohnya soalan 8(a) mendapat markah penuh tetapi soalan 8(b) dan 8(c) markah rendah.

**Calon dalam kumpulan lemah**

Calon tidak memahami kehendak soalan. Pemahaman terhadap istilah dan konsep geografi adalah lemah. Fakta dan isi yang dikemukakan adalah kabur dan terlalu umum. Terdapat calon yang memberikan fakta yang salah. Penggunaan bahasa juga lemah dan ramai calon yang menjawab dalam bentuk poin yang ringkas. Ramai calon yang tidak menjawab sebahagian soalan di bahagian A. Calon lemah gagal menjawab soalan bahagian peta dan graf seperti soalan 8(a) dan 9(a).

## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan 1

Soalan 1(a)

Calon cemerlang dapat menamakan Bukit Kalong dengan tepat. Calon faham konsep arah mata angin. Oleh itu calon dapat menjawab dengan tepat arah Timur Laut dan dapat memilih bukit tertinggi di kawasan tersebut.

Contoh 1:

(a) Namakan bukit tertinggi yang terdapat di bahagian timur laut peta.

(Bukit Biru.)<sup>na</sup>.....

Calon lemah tidak memahami konsep arah mata angin. Oleh itu sebahagian calon memilih jawapan Bukit Biru, Bukit Batu dan Bukit Serama. Sebahagian calon tidak dapat mengenalpasti bukit tertinggi di kawasan tersebut.

Soalan 1(b)

Calon cemerlang dapat mengenalpasti bukit tertinggi dan menyatakan rujukan grid enam angka dengan betul dan tepat. Calon ini mahir membaca rujukan grid.

Contoh 2:

(b) Nyatakan rujukan grid 6 angka bukit tertinggi itu.

(151858).....

Calon lemah tidak dapat menyatakan rujukan grid dengan betul. Kesilapan jawapan di 1(a) mempengaruhi jawapan di 1(b). Calon lemah tidak dapat menguasai kemahiran membaca rujukan grid.

Contoh 3:

(b) Nyatakan rujukan grid 6 angka bukit tertinggi itu.

(RG 160890.)<sup>na</sup>

### Soalan 2

Calon cemerlang dapat membaca rujukan grid enam angka dan mengira bearing Kuil Hindu dari titik tanda tinggi 70 dengan tepat.

Contoh 4:

2 Nyatakan bearing kuil Hindu (RG 084809) dari titik tanda tinggi 70 (RG 065845).  
(152°).....

Calon lemah tiada kemahiran membaca rujukan grid dan tidak menguasai kemahiran mengira bearing. Sebahagian calon tidak menjawab soalan in

### Soalan 3

Soalan 3(a)

Calon cemerlang dapat menamakan pola saliran yang betul iaitu pola sepunca

Calon lemah tidak dapat mengenalpasti segi empat grid iaitu di kawasan Bukit Serama. Selain itu calon juga tidak dapat mengenalpasti jenis pola saliran yang terdapat di kawasan tersebut. Ada juga calon yang tidak faham konsep pola saliran yang disamakan sebagai pola petempatan.

Contoh 5:

(a) Namakan pola saliran yang terdapat dalam segi empat grid di atas?

(Bertingkat.)<sup>na</sup>

Soalan 3(b)

Calon cemerlang dapat menjawab dengan tepat iaitu stesen trigonometri

Contoh 6:

(b) Apakah simbol titik yang terdapat di RG 126862?

(Stesen Trigonometri.)

Calon lemah tidak dapat mengenalpasti simbol titik dengan merujuk kepada petunjuk yang terdapat di peta. Calon lemah juga tiada kemahiran membaca rujukan grid.

Contoh 7:

(b) Apakah simbol titik yang terdapat di RG 126862?

(Simbol Rizak.)<sup>na</sup>

### Soalan 4

Calon cemerlang mengetahui dan dapat mengenalpasti ciri-ciri fizikal di peringkat hilir sungai. Calon dapat memberikan bukti dengan tepat seperti sungai berliku, lebar, terdapat benteng dan kawasan berpaya.

Calon Jemah tidak dapat memahami ciri-ciri fizikal yang terdapat di hilir sungai. Calon juga tidak dapat mentafsir simbol-simbol yang mewakili ciri-ciri tersebut. Bukti yang diberi seperti tanah pamah dan lurah yang sempit.

Contoh 8:

Nyatakan empat bukti terdapat pada peta yang menunjukkan Sungai Jala berada di peringkat hilir.

(i) (Terletak di kawasan tanah <sup>pamah</sup> lianggi.)<sup>na</sup>

(ii) (Lurah yang sempit di hilir sungai.)<sup>na</sup>

(iii) (Arah aliran yang bermula dari Barat Daya.)<sup>na</sup>

(iv) (Akibat benteng yang ~~menyekat~~ menghalang pengaliran air.)

[4 markah]

## Soalan 5

### Soalan 5(a)

Calon cemerlang memahami konsep industri tertier dan dapat menamakan jenis industri tertier yang berpotensi dimajukan di kawasan dalam peta tersebut. Contoh pelancongan 1 perhotelan /homestay /rekreasi.

Contoh 9:

(a) Namakan industri tertier yang berpotensi dimajukan di kawasan dalam segi empat grid di atas.

(Sector pelancongan.)

[2 markah]

Calon lemah tidak memahami konsep industri tertier. Calon memberi contoh yang salah seperti industri pembuatan tayar, industri susu getah dan industri getah. Calon tidak dapat mengaitkan antara simbol dalam peta dengan situasi sebenar.

Contoh 10:

(a) Namakan industri tertier yang berpotensi dimajukan di kawasan dalam segi empat grid di atas.

(Industri pembuatan tayar) <sup>ka</sup>

### Soalan 5(b)

Calon cemerlang dapat menyenaraikan tiga sebab yang menyokong perkembangan industri tertier di kawasan peta tersebut.

Calon lemah tidak memahami arahan atau kehendaak soalan iaitu bagi menyokong pilihan anda. Jika jawapan 5(a) salah maka jawapan 5(b) tiada sebarang markah.

Contoh 11:

(b) Berikan tiga sebab bagi menyokong pilihan anda.

(i) (Berhampiran kawasan petempatan) <sup>ka</sup>

(ii) (Sistem pengangkutan dan perhubungan yang lengkap) <sup>i</sup>

(iii) (Bahan mentah mudah diperolehi) <sup>ka</sup>

## Soalan 6

### Soalan 6(a)

Calon cemerlang dapat memberikan jawapan yang betul iaitu tekanan tinggi atau suhu tinggi. Calon lemah tidak memahami proses letusan gunung berapi dan memberikan faktor yang salah.

Contoh 12:

5 (a) Apakah yang menyebabkan magma keluar ke permukaan bumi?  
*rejahan jalor dalam bumi*  
(Akibat letusan gunung berapi.)

Soalan 6(b)

Calon cemerlang dapat mengenalpasti jejis kon gunung berapi dalam rajah yang diberikan. Calon juga dapat mengaitkan dengan ciri-ciri lava yang membentuk jenis kon tersebut dengan tepat.

Calon lemah tidak dapat mengenalpasti jenis kon gunung berapi dalam rajah yang diberikan. Calon juga tidak memahami ciri lava yang dapat membentuk jenis kon tersebut. Calon juga tidak dapat membezakan ciri lava bes dan lava asid menyebabkan jawapan bercampuraduk.

Contoh 13:

6(b) Pengaliran keluar magma tersebut akan membentuk kon gunung berapi seperti di atas. Nyatakan tiga ciri lava yang membentuknya.

- (i) Cair.
  - (ii) Ketumpatan lava yang rendah.
  - (iii) Kandungan mineral yang sedikit.
- [2 markah]

Soalan 6(c)

Calon cemerlang dapat mengenalpasti kesan negatif akibat letusan gunung berapi seperti pemusnahan harta benda, kematian dan banjir.

Contoh 14:

(c) Penduduk di sekitar kawasan gunung berapi akan mengalami kesan negatif apabila gunung berapi meletus. Nyatakan dua kesan tersebut.

- (2) (i) Nyawa penduduk terkorban.
  - (ii) Akan merosakkan harta benda penduduk.
- [2 markah]

Calon lemah menjawab secara umum dan sebahagiannya tidak mengaitkan dengan kesan letusan gunung berapi.

Contoh 15:

(c) Penduduk di sekitar kawasan gunung berapi akan mengalami kesan negatif apabila gunung berapi meletus. Nyatakan dua kesan tersebut.

- (i) Terjadinya gempa bumi
- (ii) Pemanasan suhu bumi

Soalan 6(d)

Calon cemerlang dapat mengaitkan jenis kegiatan ekonomi yang boleh dimajukan di kawasan gunung berapi yang aktif seperti pelancongan, perikanan dan penghasilan tenaga elektrik geoterma.

Contoh 16:

(d) Nyatakan tiga jenis kegiatan ekonomi yang berpotensi untuk dimajukan di kawasan gunung berapi yang aktif.

- (i) (Tanaman pertanian)
- (ii) (Perternakan ikan air tawar) Ayka
- (iii) (Pusat peragaan dan rekreasi)

Calon lemah tidak dapat mengaitkan jenis kegiatan ekonomi dengan kawasan gunung berapi yang aktif seperti memajukan kegiatan perindustrian dan pembalakan. Terdapat calon yang menyenaraikan tiga jenis tanaman seperti padi, jagung dan sayur-sayuran.

Contoh 17:

(d) Nyatakan tiga jenis kegiatan ekonomi yang berpotensi untuk dimajukan di kawasan gunung berapi yang aktif.

- (i) (Padi, bukit)
- (ii) (Jagung) <sup>And</sup>
- (iii) (Sayuran) <sup>And</sup>

Soalan 7

Soalan 7(a)

Calon cemerlang mempunyai kemahiran mengira dan mentafsir jadual. Jawapan calon adalah tepat.

Contoh 18:

(a) Berdasarkan jadual di atas;

- (i) Min suhu tahunan ialah (27.67)
- (ii) Julat suhu tahunan ialah (4)
- (iii) Jumlah hujan tahunan ialah (2731)
- (iv) Taburan hujan maksimum berlaku pada bulan (November)

Calon lemah tidak mempunyai kemahiran mengira dan tidak memahami istilah seperti Min, Julat dan Jumlah hujan tahunan.

Contoh 19:

- (i) Min suhu tahunan ialah ..... (4) °C
- (ii) Julat suhu tahunan ialah ..... (28°C) °C
- (iii) Jumlah hujan tahunan ialah ..... (2731 mm) mm
- (iv) Taburan hujan maksimum berlaku pada bulan ..... (Juli dan Ogos)

Soalan 7(b)

Calon cemerlang dapat mentafsirkan jadual yang diberikan iaitu hujan yang lebat akan menyebabkan banjir dan dapat memberi cadangan langkah-langkah untuk mengatasi kesan tersebut dengan betul.

Contoh 20:

- (b) (i) Apakah kesan taburan hujan seperti dalam jadual di atas kepada alam sekitar fizikal Kuala Lumpur?
- (Kesan kepada alam sekitar fizikal Kuala Lumpur ialah banjir kilat.)
- (ii) Cadangkan dua langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan daripada kesan di atas.
- (Menghijaukan kawasan)
  - (Membaiki dan memperluaskan longkang.)
  - (Menanam tanaman tutup bumi seperti rumput)

Calon yang lemah gagal mengaitkan kesan taburan keatas alam sekitar fizikal. Oleh itu calon juga gagal mengemukakan langkah yang betul untuk mengatasi langkah tersebut. Terdapat calon yang tidak mendapat markah kerana jawapan di 7(b) I salah.

Contoh 21:

- (b) (i) Apakah kesan taburan hujan seperti dalam jadual di atas kepada alam sekitar fizikal Kuala Lumpur?

(Lembap sepanjang tahun.)

[1 markah]

- (ii) Cadangkan dua langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan daripada kesan di atas.

- (Menanam lebih banyak pokok-pokok hijau.)
- (Tidak membang pokok untuk membuat bangunan) secara tidak terkawal.

[2 markah]